



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENILAIAN
PRESTASI**

KOD KURSUS : DSM2173

PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: (100 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
3. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
4. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
5. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 4 muka surat termasuk kulit hadapan

Bahagian ini mempunyai **LIMA (5)** soalan.
Jawab **semua soalan** di dalam kertas jawapan.

SOALAN 1

a. Pelaksanaan penilaian prestasi boleh dilakukan daripada pelbagai sumber. Jelaskan **empat (4)** sumber yang biasa digunakan oleh organisasi untuk melakukan penilaian prestasi.

(8 markah)

b. Encik Razak mendapati sistem penilaian prestasi di syarikatnya gagal untuk mengenal pasti tahap prestasi pekerjanya. Anda diminta untuk memberi cadangan kepada Encik Razak langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh beliau bagi membentuk satu sistem penilaian prestasi yang baik.

(12 markah)

SOALAN 2

a. Terdapat beberapa kaedah yang baik boleh digunakan untuk menilai prestasi pekerja. Huraikan kaedah penilaian prestasi berikut.

- i. Kaedah pilihan terpaksa
- ii. Kaedah esei

(10 markah)

b. Puan Farah hendak melaksanakan penilaian prestasi bagi tahun 2021. Beliau telah menggunakan kaedah sifat untuk menilai pekerjanya kerana kaedah ini lebih ringkas berbanding kaedah penilaian yang lain. Anda diminta membantu Puan Farah menyediakan borang penilaian berasaskan kaedah sifat ini.

(15 markah)

SOALAN 3

a. Sebagai penilai, apakah tanggungjawab anda untuk memastikan proses penilaian prestasi dapat dilakukan tanpa sebarang masalah?

(12 markah)

b. Dalam sesi temu duga penilaian prestasi, Syauqi telah meluahkan perasaan tertekan kepada penemu duga kerana tidak mampu melaksanakan tugas yang diberikan oleh penyelia di jabatannya dengan baik. Beliau mendakwa penyeliannya telah memberikan tugas di luar kemampuannya. Apakah jenis temu duga penilaian prestasi yang bersesuaian dengan situasi Syauqi?

(8 markah)

SOALAN 4

Sebagai seorang pengurus, Aqmal berpendapat bahawa pelaksanaan penilaian prestasi yang berjaya adalah bergantung kepada kebijaksanaan pengurus yang mengendalikannya. Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada Aqmal supaya penilaian prestasi yang dikendalikan oleh beliau berjaya dilaksanakan?

(15 markah)

SOALAN 5

a. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah sistem ganjaran berasaskan prestasi boleh menjadi tidak berkesan?

(8 markah)

b. Sejauh manakah fungsi penilaian prestasi boleh memberikan impak yang positif terhadap latihan dan ganjaran?

(12 markah)

[100 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT